



KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

KERATAN SURAT KHABAR

SURAT KHABAR	:	SINAR HARIAN			
TARIKH	:	25/8/2021 (RABU)	MUKA SURAT	:	12
JABATAN	:	JMG			

Enam runtuh tanah dikesan

Sinar, 25 Ogos
2021_12

JMG kesan runtuh tanah berskala kecil di lereng Gunung Jerai selepas seminggu bencana kepala air

YAN

Jabatan Mineral dan Geosains Malaysia (JMG) mengesan enam runtuh tanah berskala kecil di kawasan lereng Gunung Jerai selepas tujuh hari kejadian fenomena kepala air berlaku di situ.

Ketua Cawangan Kepakaran Geologi Kejuruteraan JMG, Dr Ferdaus Ahmad berkata, runtuh itu dikenal pasti berdasarkan kajian lapangan dilakukan pihaknya pagi Selasa dengan mendapati saiz lebar runtuh itu antara tiga hingga empat meter.

"Kami dapati proses runtuh itu masih lagi berlaku dipercayai kesan daripada kejadian fenomena kepala air ini.

"Sewaktu kejadian itu keadaan tanah belum tepu, namun selepas itu bila ada hujan beberapa hari ini (Selasa) termasuk semalam (Isnin) menyebabkan tanah menjadi tepu dan berlaku sedikit runtuh tanah," katanya di sini pada Selasa.

Beliau berkata demikian kepada pemberita semasa membuat tinjauan kesan runtuh tanah akibat tragedi itu di sekitar kawa-



Suraya (depan) bersama Pengarah JMG Kedah/Perlis/Pulau Pinang, Abdullah Sulaiman (kanan) dan Ferdaus (kiri) meninjau persekitaran runtuh di laluan naik ke Gunung Jerai pada Selasa.

san Gunung Jerai yang turut disertai Exco Kerja Raya, Bekalan Air dan Sumber Air dan Tenaga Kedah, Datuk Suraya Yaacob.

Sehubungan itu, Ferdaus meminta orang ramai yang menggunakan jalan di Gunung Jerai agar sentiasa berwaspada dengan keadaan tersebut bagi memastikan keselamatan masing-masing.

"Sekiranya berlaku keadaan hujan luar jangka kemungkinan terdapat runtuh kecil lain dan kesan-kesan lain juga," katanya.

Beliau turut memaklumkan JMG mengkategorikan kawasan empat runtuh tanah berskala besar dengan saiz lebar lebih 10 meter yang berlaku sebelum itu sebagai zon bahaya.

Ferdaus berkata, bagaimanapun pihaknya perlu menjalankan kajian dan siasatan di lapangan

itu sebelum mengetahui jarak dan keluasan zon berkenaan keseluruhannya.

Beliau berkata, sesuatu kawasan tanah runtuh itu dikategorikan sebagai zon bahaya apabila antara lain mempunyai tanda tanah runtuh akan berlaku lagi dengan melihat sama ada terdapat retakan di sekeliling kawasan tanah runtuh itu atau menunjukkan terdapat bongkah batuan kurang stabil yang mempunyai potensi ancaman kepada kawasan tersebut.

Namun, Ferdaus berkata, zon bahaya itu tidak kekal sebaliknya ia hanya sementara untuk menunggu kerja baik pulih cerun dan mitigasi tertentu siap dilakukan yang turut melibatkan tanggungjawab Jabatan Kerja Raya (JKR). - Bernama